

PM: Bandar Siber usah bersaing sesama sendiri

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

KULIM 18 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua Bandar Siber dan Pusat Siber di negara ini tidak bersaing sesama sendiri sebaliknya memberi tumpuan kepada bidang yang menjadi kelebihan masing-masing.

Menurut Perdana Menteri, walaupun kerajaan berhasrat memperluaskan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan membangunkan beberapa Koridor Pertumbuhan Ekonomi Bersepadu, namun pihak industri di kawasan-kawasan itu seharusnya tidak perlu bersaing antara satu sama lain.

Tegas beliau, tumpuan sepatutnya diberi kepada usaha membangunkan bidang-bidang kepakaran khusus yang masih belum diteroka.

"Oleh itu, wajar bagi setiap Bandar Siber atau Pusat Siber memberi penekanan dan tumpuan kepada bidang yang menjadi kelebihan mereka," katanya ketika berucap melancarkan Bandar Siber MSG Malaysia

@ Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) di sini hari ini.

Abdullah menarik perhatian bahawa Johor Cyberport yang dilancarkannya Isnin lalu mempunyai kelebihan dalam bidang e-Logistik dan pembangunan perisian.

Kata beliau, Pusat Siber, MITC Melaka pula mempunyai kelebihan dalam bidang e-Dagangan dan bio-informatik.

Justeru, Perdana Menteri berkata, memandangkan Wilayah Utara Semenanjung dari Kedah merupakan pusat kepada industri pertanian, maka antara bidang kelebihan yang boleh dibangunkan di Bandar Siber @ KHTP adalah industri pembuatan dan asas tani berteraskan teknologi tinggi.

"Dalam membangunkan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di wilayah utara ini, kita harus sentiasa ingat bahawa matlamatnya ialah ia bukan sahaja memberi rnanfaat kepada syarikat-syarikat bersaiz besar.

"Lebih dari itu, ia memberi faedah kepada industri kampung, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta individu-indi-

Wajar bagi setiap Bandar Siber atau Pusat Siber memberi penekanan dan tumpuan kepada bidang yang menjadi kelebihan mereka

**ABDULLAH AHMAD
BADAWI
Perdana Menteri**

vidu yang sebenarnya juga menikmati rnanfaat itu," katanya. Schubungan ini, Abdullah bin Ali berkata insentif berkenaan akan meyakinkan Bandar Siber @ KHTP akan menjadi pemacu kepada pembangunan di wilayah ekonomi koridor utara meliputi Perlis, Kedah dari utara Perak.

Katanya, sebagai salah satu Taman Teknologi Tinggi yang unggul di Malaysia, Bandar Siber @ KHTP mampu menjadi pelengkap kepada Bandar Siber 1 MSC Malaysia Pulau Pinang dalam arah menjana pertumbuhan perdagangan dan perindustrian teknologi tinggi di Wilayah Utara,

Menurutnya, dengan pengiktirafan status Bandar Siber kepada KHTP, semua syarikat berstatus MSC di situ akan diberi

insentif dalam bentuk 10 bil jaminan dan insentif berkenaan akan menarik lebih ramai pelabur baru untuk melabur di situ.

Sejak penubuhannya 15 tahun lain, KHTP berjaya menarik 36 syarikat beroperasi di situ termasuk 18 syarikat berteraskan pembuatan, lima syarikat utiliti dari 13 syarikat sokongan dengan jumlah pelaburan melebihi RM20 bilion dan menjana pekerjaan kepada lebih 15,000 orang.

Abdullah turut menekankan pentingnya penglibatan aktif syarikat-syarikat swasta dalam pembangunan sosial negara seperti projek V-Smart Learning' yang dijalankan di Sekblah Menengah Kebangsaan Kuala Ketil dekat sini.